



**Kadar Asas Standard (KAS)**  
**Soalan-Soalan Lazim**

1 August 2022

---

**1. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?**

KAS ialah penanda aras yang akan digunakan oleh semua bank berkuatkuasa 1 Ogos 2022 bagi penetapan harga pinjaman / pembiayaan runcit berkadar terapung yang baharu, pembiayaan semula pinjaman / pembiayaan runcit sedia ada dan pembaharuan pinjaman / pembiayaan runcit pusingan mulai 1 Ogos 2022. Pinjaman / pembiayaan runcit merujuk kepada pinjaman / pembiayaan kepada individu [bukan Perniagaan Kecil Sederhana (PKS) atau perniagaan], manakala 'pinjaman / pembiayaan kadar terapung' merujuk kepada pinjaman / pembiayaan di mana kadar faedah / kadar keuntungan boleh berubah sepanjang tempoh pinjaman / pembiayaan . KAS adalah berdasarkan Kadar Dasar Semalamian (OPR), berdasarkan keputusan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.

**2. Mengapa KAS diperkenalkan?**

KAS adalah sama bagi semua bank, tidak seperti Kadar Asas (KA) yang mana ianya berbeza bagi setiap bank. Dengan Kadar Asas, sebarang perubahan KA di masa hadapan adalah didorong oleh faktor yang berbeza mengikut bank. KAS memudahkan anda untuk memahami dan membandingkan pinjaman / pembiayaan antara bank. Ini akan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum bagi mempertimbangkan dan memutuskan bank yang mana untuk mengambil pinjaman / pembiayaan baharu pada kadar terapung.

**3. Bagaimanakah perubahan OPR mempengaruhi KAS?**

Apabila OPR disemak semula, CIMB akan menyelaraskan KAS mengikut jumlah yang sama seperti mana perubahan OPR. Ia akan digunakan bagi kedua-dua penyelaras OPR "menaik" dan "menurun".

**4. Sekiranya KAS boleh berubah dan memberi kesan kepada kadar faedah / kadar keuntungan pinjaman / pembiayaan, bagaimana pula dengan pembolehubah melebihi KAS?**

Pembolehubah melebihi KAS tidak akan berubah melainkan ia disebabkan oleh faktor lain seperti perubahan kredit portfolio pelanggan (sebagai contoh rekod bayaran pelanggan).

**5. Mengapakah pembolehubah KAS lebih besar daripada pembolehubah KA? Adakah saya dikenakan bayaran lebih tinggi memandangkan pembolehubah KAS adalah lebih besar?**

Anda tidak akan dicaj lebih hanya kerana pembolehubahnya lebih besar. Ini boleh dilihat daripada "kadar faedah / kadar keuntungan efektif", iaitu kadar faedah / kadar keuntungan yang dikenakan ke atas pinjaman / pembiayaan. Memandangkan Faedah/Keuntungan Efektif adalah sama, pelanggan tidak dikenakan bayaran lebih.

Contoh perbandingan antara KA, KPA, dan KAS

Jumlah pinjaman / pembiayaan	: RM350,000
Tempoh pinjaman / pembiayaan	: 30 years

	<b>Kadar Pinjaman / Pembiayaan Asas [KPA ]</b>	<b>Kadar Asas [KA]</b>	<b>Kadar Asas Standard [KAS]</b>
Kadar Rujukan	KPA pada 1 August 2022 6.10%	KA pada 1 Julai 2022 3.25%	KAS pada 1 August 2022 2.25%
Faedah / Keuntungan setahun	KPA – 2.10%	KA + 0.75%	KAS + 1.75%
Kadar faedah / kadar keuntungan efektif(setahun)	4.00% (6.10% - 2.10%)	4.00% (3.25% + 0.75%)	4.00% (2.25% + 1.75%)
Ansuran Bulanan	RM1,671	RM1,671	RM1,671

**6. Apakah produk yang terlibat?**

Produk yang terlibat ialah Pembiayaan Hartanah , Pembiayaan Bertempoh-I dijamin oleh Sijil ASB dan Kemudahan Overdraft bercagar.

**7. Jika saya mempunyai pinjaman / pembiayaan berdasarkan KA atau KPA, adakah ia akan terjejas dengan perubahan KAS?**

Ya. Kedua-dua KA dan KPA akan berubah mengikut perubahan KAS . Ini bermakna sebarang perubahan KAS akan mengikut perubahan OPR, KA dan KPA akan diselaraskan oleh bank mengikut jumlah perubahan yang sama seperti mana KAS .

**8. Adakah ansuran pinjaman / pembiayaan saya akan berubah sekiranya terdapat perubahan dalam KAS, KA dan KPA?**

Ya. Ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan anda akan disemak semula sewajarnya berdasarkan perubahan KAS/ KA/KPA.

**9. Apabila jumlah ansuran pinjaman / pembiayaan saya disemak semula, adakah CIMB akan memaklumkan saya?**

Ya. Sebarang semakan semula jumlah ansuran pinjaman / pembiayaan memerlukan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh akhir bayaran jumlah ansuran baharu. Notis-notis makluman akan dihantar ke alamat surat-menjurut pelanggan mengikut rekod Bank.

**10. Apakah yang berlaku sekiranya saya tidak dapat membayar jumlah ansuran pinjaman / pembiayaan yang lebih tinggi setelah KAS, KA atau KPA dinaikkan?**

Sekiranya anda mempunyai masalah dalam pembayaran. sila berhubung dengan kami untuk berbincang mengenai perubahan pilihan pembayaran dengan segera.

**11 Adakah terdapat perbezaan sekiranya saya mengambil pinjaman / pembiayaan baharu sebelum atau selepas 1 Ogos 2022.**

- Permohonan yang diterima sebelum 1 Ogos 2022 adalah \*berdasarkan KA (KA + pembolehubah), manakala permohonan yang diterima pada 1 Ogos 2022 adalah berdasarkan KAS (KAS + pembolehubah).
- Sama ada jumlah pinjaman / pembiayaan adalah berdasarkan KA atau KAS, kadar faedah / kadar keuntungan ke atas pinjaman / pembiayaan (atau kadar pinjaman / pembiayaan efektif) akan sentiasa ditentukan secara kompetitif serta dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk profil risiko pelanggan dan strategi perniagaan bank.
- Dalam apa jua keadaan, KA dan KAS akan sentiasa selari dengan OPR bermula 1 Ogos 2022.

*\*Kemudahan yang berdasarkan KA adalah Pembiayaan Hartanah, Pembiayaan Bertempoh-I dijamin oleh Sijil ASB. Untuk Kemudahan Overdraft, sila rujuk Soalan 14.*

**12 Mengapakah bank dibenarkan untuk terus menawarkan kadar boleh ubah Sewa Beli bagi yang tertakluk kepada KPA, bukannya KAS?**

- Bank menggunakan KPA bagi kadar boleh ubah untuk pinjaman / pembiayaan kerana ia tertakluk di bawah Akta Sewa Beli 1967. Sekiranya Akta Sewa Beli 1967 disemak semula pada masa akan datang, bank perlu menggunakan KAS sebagai kadar rujukan bagi kadar boleh ubah pinjaman / pembiayaan kenderaan.
- Memandangkan KPA diselaraskan seiring dengan KAS, tiada perbezaan dari segi pembayaran kemudahan Sewa Beli meskipun telah dinyatakan sebelumnya sebagai KPA atau KAS.

**13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai KAS, KA dan KPA?**

- Notis-notis makluman melalui Cawangan Bank, Pusat Perkhidmatan Perbankan Automotif dan sebagainya serta melalui saluran digital seperti Notis Penting 'Clicks', Laman Sesawang CIMB dan sebagainya.
- Bagi pelanggan baharu, bank akan memaklumkan mengenai KAS dan kadar faedah / kadar keuntungan ke atas pinjaman / pembiayaan (atau 'kadar pinjaman / keuntungan efektif') di dalam helaian Lembaran Pendedahan Produk.
- Maklumat lanjut mengenai KAS, KA dan KPA boleh di dapat di laman sesawang CIMB.

**14. Sekiranya saya mempunyai kemudahan Overdraft sebelum 1 Ogos 2022, adakah harga sedia ada untuk akaun ini akan digantikan daripada KA atau KPA dengan KAS ?**

Untuk akaun overdraf yang dibundel dengan produk pinjaman rumah di mana terma overdraf ditunjukkan dalam perjanjian pinjaman rumah (atau surat tawaran), akaun overdraf akan terus berharga terhadap KA atau KPA sehingga pinjaman rumah diselesaikan sepenuhnya.

Untuk semua akaun overdraf yang lain, harga akan ditukar daripada KA atau KPA kepada KAS berkuat kuasa 1 Ogos 2022. Pemberitahuan telah dihantar kepada semua pelanggan yang terkesan.